



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI JAMIN SOSIOEKONOMI NELAYAN, PERIKANAN TERBELA, SH -ONLINE MAFI SIASAT STATUS HALAL RUMAH SEMBELIHAN DI AUSTRALIA, KOSMO -ONLINE MAFI SIASAT DAKWAAN STATUS HALAL RUMAH SEMBELIH DIRAGUI, SH -ONLINE MAFI, KPDPHEP BINCANG ISU HARGA AYAM ESOK, BH -ONLINE PENGEDARAN BENIH PADI PERLAHAN PADA BULAN RAMADHAN, UM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	275 BABI DI LADANG HARAM DILUPUSKAN, LOKAL, HM -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8.	PESAWAH RUGI PADI TAK DAPAT DITUAI, DALAM NEGERI, UM -29 40 PETANI KECEWA PPK LANGKAWI LAMBAT TUAI PADI, NASIONAL, BH -24	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI jamin sosioekonomi nelayan, perikanan terbela



Ronald ketika berucap pada Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun LKIM.

CYBERJAYA - Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan sosioekonomi golongan nelayan serta industri perikanan negara terus berdaya maju dan terbela.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, dalam masa sama MAFI akan memastikan kelangsungan dan kelancaran rantai bekalan makanan negara turut terjamin.

“Kementerian menerusi agensinya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memainkan peranan penting dan berkesan sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan.

“Ia turut melibatkan memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan bagi memastikan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun LKIM, di sini pada Khamis.



Ronald (tengah) menunjukkan Duit Syiling Peringatan 50 Tahun LKIM.

Duit Syiling 50 Tahun LKIM direka bentuk dan diterbitkan secara eksklusif oleh Bank Negara Malaysia (BNM) khusus untuk LKIM sempena sambutan jubli emas agensi itu pada 1 November 2021.

Konsep utama syiling itu adalah daripada gabungan warna dan kesan khas tiga dimensi dan menekankan kepada warna biru sebagai gambaran laut sebagai lubuk peluang iaitu tempat menjadi sumber rezeki para nelayan.

Pada syiling tersebut terdapat juga ukiran seorang nelayan sedang menarik pukat yang sarat dengan ikan segar, mencerminkan kehebatan tahap kemahiran dan pengalamannya.

Selain mengetengahkan elemen-elemen utama yang berkait rapat dengan industri perikanan, syiling berkenaan turut mempunyai ukiran khas ‘50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia’.

Dalam pada itu Ronald menyifatkan pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun LKIM sebagai manifestasi pencapaian serta kejayaan lima dekad penubuhan agensi itu.

Katanya, penubuhan LKIM berteraskan sifat dedikasi, kerja kuat dan kesungguhan kerjasama nelayan dan lembaga berkenaan bagi memastikan pembangunan industri perikanan bergerak senada dan efisien.

“Kerajaan melalui LKIM sentiasa memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam menjaga kebajikan serta terus memperbaiki sosioekonomi dan mengurangkan beban nelayan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2022	KOSMO	ONLINE	

MAFI siasat status halal rumah sembelihan di Australia



PUCHONG – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menjalankan siasatan berhubung dakwaan status halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia yang dilaporkan sebuah akhbar hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, kementerian tidak akan berkompromi dan bertolak ansur terhadap isu keselamatan makanan, kebersihan dan status halal.

“Pihak kementerian akan menyiasat berita itu. Sudah tentu saya akan maklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk melihat perkara ini.

“Kita mengambil berat isu melibatkan kesihatan dan keselamatan makanan serta isu halal terutama produk import,” katanya ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, semua loji ternakan dan pemprosesan hasil ternakan yang dibawa masuk ke Malaysia perlu melalui proses audit yang ketat melibatkan beberapa agensi antaranya JPV, Jabatan Kemajuan Islam dan Kementerian Kesihatan.

“Kita hanya membenarkan produk-produk makanan ternakan dari luar masuk melalui loji-loji yang telah diberi pengiktirafan oleh Malaysia,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI siasat dakwaan status halal rumah sembelih diragui



Ronald Kiandee

CYBERJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menyiasat dakwaan status halal diragui melibatkan sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia yang mana produknya dieksport ke Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menegaskan, kementerian tidak akan berkompromi serta bertolak ansur dalam soal keselamatan makanan dan aspek pengiktirafan halal produk makanan yang

diimport.

"Pihak kementerian akan menyiasat berita (pendedahan) ini. Sudah tentu saya akan memaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk melihat isu ini.

"Kita mengambil berat isu kesihatan dan keselamatan makanan serta isu pengiktirafan halal bagi setiap produk makanan yang dibawa masuk ke dalam negara," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini, pada Khamis.

Laporan muka depan sebuah akhbar berbahasa Melayu pada Khamis mendedahkan, status halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia yang turut mengeksport daging ke Malaysia diragui apabila prosedur penyembelihan didakwa tidak mengikut syariat Islam.

Dilaporkan, pusat penyembelihan di Lobethal, Selatan Australia itu turut tersenarai dan diiktiraf kerajaan Malaysia sekali gus mendapat perakuan badan pensijilan halal luar negara di Australia.

Mengulas lanjut Ronald menjelaskan, semua loji ternakan dan pemprosesan produk makanan dibawa masuk ke Malaysia perlu melalui pengauditan yang ketat daripada beberapa agensi di negara ini.

"Ia diaudit oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Jadi kita cuma membenarkan produk-produk makanan ternakan dari luar masuk dibawa masuk melalui loji-loji yang telah diberi pengiktirafan oleh negara kita," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI, KPDNHEP bincang isu harga ayam esok



CYBERJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengadakan mesyuarat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), esok, untuk membincangkan isu harga ayam meliputi aspek kenaikan kos pengeluarannya, subsidi dan harga siling jualan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata antara perkara yang bakal diteliti ialah pandangan beberapa pihak bahawa harga jualan siling ayam wajar dinaikkan daripada RM8.90 kepada RM9.90 sekilogram.

"Harga siling RM8.90 sekilogram ditetapkan lebih sebulan lalu. Kita tahu kos pengeluaran ayam lebih daripada harga siling ditetapkan kerajaan, justeru subsidi 60 sen diberikan.

"Namun, kita mengakui subsidi 60 sen itu sesuai ketika satu dua bulan lalu, manakala pengimportan jagung tidak statik dan meningkat dalam tempoh sama. Oleh itu, kita akan bermesyuarat dengan KPDNHEP dan beberapa agensi lain bagi membincangkan isu ini, esok," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), dekat sini, hari ini.

Ronald mengulas kenyataan Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin yang dilaporkan berharap harga siling jualan ayam dapat dinaikkan kepada RM9.90 sekilogram berbanding RM8.90 ketika ini.

Ditanya sama ada MAFI akan mencadangkan supaya subsidi terbabit dinaikkan pula, beliau bagaimanapun enggan mengulas dan hanya memaklumkan penetapan harga jualan ayam bukan bidang kuasa kementerian itu.

"Kita masih dalam usaha merangka dasar bagi membantu mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan ayam, selain menggalakkan penanaman jagung menerusi pemberian insentif pertanian," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ronald berkata, pihaknya akan menyiasat dakwaan status halal diragui membabitkan sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia yang turut mengeksport daging ke Malaysia, sebagaimana dilaporkan sebuah akhbar, hari ini.

"Kementerian tidak akan berkompromi atau bertolak ansur dalam soal keselamatan makanan dan aspek halal daging yang diimport ke Malaysia," katanya.



Ronald merasmikan Majlis Pelancaran Duit Syiling Peringatan 50 Tahun LKIM, hari ini. - NSTP/Hazreen Mohamad

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Pengedaran benih padi perlahan pada bulan Ramadan



AZMAN Nasrudin (kiri) memeriksa bekalan benih padi sah pada Ops Benih di sebuah premis di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

ALOR SETAR: Aktiviti pengedaran benih padi di negeri ini perlahan walaupun musim tanaman padi sudah bermula. Mac lalu dipercayai kerana musim penanaman yang jatuh pada bulan Ramadan.

Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras negeri, [Abdul Rahman Tajudin](#) berkata, sehubungan itu petani disarankan untuk mendapatkan benih padi walaupun

tidak menjalankan aktiviti penanaman bagi mengelakkan pembelian serentak sekali gus dikhuatiri berlaku eksploitasi harganya.

“Pengedaran benih padi ini sedikit perlahan berkemungkinan disebabkan musim tanaman padi kali ini pada bulan puasa di mana kebanyakan petani menangguhkan aktiviti penanaman mereka.

“Namun petani dinasihatkan berbuat demikian bagi mengelak pembelian serentak dan eksploitasi harga benih padi apabila berlaku permintaan tinggi,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah beliau, Seksyen Kawalselia Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melancarkan “Ops Benih” pada 12 April lepas bertujuan memeriksa bekalan dan pengedaran benih padi sah di negeri ini serta pematuhan Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras.

“Operasi mendapati secara keseluruhannya mematuhi peraturan yang ditetapkan serta mematuhi harga maksimum di ditetapkan iaitu RM31 di peringkat borong manakala RM35 di peringkat runcit bagi setiap kampak 20 kilogram,” katanya.

Jelasnya, selain itu, hasil pemeriksaan juga mendapati bekalan benih padi sah berada dalam keadaan stabil dan boleh diperoleh dari mana-mana peruncit yang diberi kebenaran oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras.

Tambah beliau, Kawalselia Padi Dan Beras ingin memberi amaran dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati cuba mengambil kesempatan menaikkan harga atau menyembunyikan benih padi bagi tujuan menahan dari pasaran.

“Tindakan tegas akan diambil di bawah peruntukan undang-undang sedia ada yang dikuatkuasakan oleh kementerian ini,” katanya.

Tambahnya, operasi yang turut disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan negeri, Azman Nasrudin.- [UTUSAN](#)

275 babi di ladang haram dilupuskan

Port Dickson: Sebanyak 275 ekor babi ditenak di sebuah ladang haram di Kampung Baru Site A, Tanah Merah di sini, sudah dilupuskan semalam susulan jangkitan demam babi Afrika (ASF), baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Ir. Bakri Sawir berkata, kesemua 275 ekor babi itu sudah dilupuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) dan ditanam di lokasi sudah ditetapkan.

“Pihak kami terutama JPVNS sedang memeriksa semua 19 lagi ladang yang terletak radius tiga kilometer dari lokasi jangkitan. Kami sedang menunggu ke-

putusan sampel sebelum tindakan pelupusan sepenuhnya dijalankan.

“Tindakan akan segera dilakukan (pelupusan) di 19 lagi ladang ini namun ia mengikut undang-undang kerana semua ladang ini tidak berlesen dan ia perlu ditutup sepenuhnya,” katanya pada Program Outreach Konservasi Penyu di Glory Beach Resort, semalam.

Menurut Bakri, pihaknya menganggarkan terdapat 2,000 hingga 3,000 ekor lagi babi di 19 ladang yang berada dalam radius tiga kilometer.

“Setakat ini kos bagi kerja-kerja pelupusan semua babi yang dijangkiti ASF berjumlah RM20,000,” katanya.

Pesawah rugi padi tak dapat dituai

LANGKAWI: Lebih 40 pesawah yang mengusahakan padi pulut di Kampung Padang Saga dan Kampung Padang Tama di sini mengeluh apabila hasil tanaman mereka rosak tidak dapat dituai berikutan kekurangan jentera menuai padi.

Projek tanaman padi pulut di dua kampung tersebut melibatkan kawasan seluas 91.8 hektar.

Seorang pesawah, Kamal Aziz, 58, berkata, mereka dijanjikan dua buah jentera padi dihantar pada Ahad lalu, namun hanya sebuah jentera yang kini mengambil padi.

“Sebuah jentera pun hanya dapat tuai padi seluas 2.8 hektar dalam masa dua hari,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kamal memberitahu, projek tanaman padi pulut itu yang memasuki musim kedua dan musim lepas dia berjaya meraih hingga tiga tan padi dengan pendapatan sebanyak RM6,000.

“Bagaimanapun pada musim ini dia terpaksa menanggung kerugian kerana padi lambat dituai sehingga menyebabkan padi tersebut rosak,” ujarnya.

Seorang lagi petani yang juga Ketua Unit Nyior Chabang A (Kampung Padang Saga dan Kampung Padang Tama), Razi Yahaya, 65, berkata, pihak PPK Langkawi perlu memantau projek padi pulut termasuk jadual menuai untuk mengelakkan padi rosak.

“Pihak PPK tidak pantau apa jadi dengan padi kami, dan kami sendiri tidak tahu apa yang perlu dibuat dalam situasi ini.

“Kami nak buat sendiri tak boleh, kerana ada orang tengah yang mengatur kerja menuai padi, sepatutnya jabatan yang ada kena aturkan,” ujarnya.

Sementara itu, Pengurus PPK Langkawi, Ismihan Mahamed berkata, pihaknya tidak menerima aduan rasmi daripada petani mengenai isu kelewatan menuai padi.



Kamal (kanan) dan Radzi menunjukkan sebahagian padi pulut yang ditanam mula mereput selepas lewat dituai di Kampung Padang Tama, Langkawi. (Foto Hamzah Osman/BH)

40 petani kecewa PPK Langkawi lambat tuai padi

Peserta Projek Tanaman Padi Pulut dakwa tindakan jejas pendapatan

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Peserta Projek Tanaman Padi Pulut di Kampung Padang Tama dan Padang Saga di sini, hampa apabila padi yang masak gagal dituai pada masa sepatutnya, sekali gus menyebabkan pendapatan mereka terjejas.

Kamal Aziz, 58, mendakwa padi ditanam pada November lalu, iaitu musim 2/2021 sepatutnya dituai akhir Mac lalu, tetapi gagal dilaksanakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi hingga

hari ini.

"PPK Langkawi tak main peranan, padi dah teruk, (pokok) nampak mula mereput dan kalau gagal dituai sehari dua ini, hasil padi akan merosot teruk dan pendapatan kami pasti terjejas."

"Sepatutnya kami boleh gunakan hasil tuaian padi ini untuk belanja sambutan Aidilfitri, tetapi nampak curahan tenaga dan masa untuk projek ini jadi sia-sia," katanya ketika ditemui semalam.

Seorang lagi peserta, Radzi Yahya, 65, berkata seramai lebih 40 petani yang terbabit di kawasan itu akan mengalami kerugian besar jika padi itu tidak dituai segera.

"Kami pasti akan hilang hasil padi, pendapatan tidak ada, malah kami sudah keluar belanja antara RM400 hingga RM500 untuk upah orang, sudah tentu kecewa kerana modal tak dapat balik."

"Kalau pun mereka datang tuai sekarang, pendapatan kami tetap berkurang kerana kualiti buah

padi sudah merosot teruk menyebabkan pembeli akan melakukan potongan harga yang banyak," katanya.

Radzi berkata, dia dan rakan turut kecewa kerana peserta projek tidak dibenarkan menguruskan tuai padi sendiri, sebaliknya perlu melalui broker yang dilantik Pertubuhan Peladang Jentera (PPNJ).

Terdapat kira-kira 107 hektar sawah padi pulut di Kampung Padang Tama dan Padang Saga yang berhadapan isu tuai lewat.

Sementara itu, Pengurus PPK Langkawi, Ismihan Mahamed, ketika dihubungi berkata pihaknya belum menerima aduan rasmi berkaitan isu kelewatan tuai seperi dinyatakan petani kawasan itu.

"Sepatutnya petani terbabit datang ke PPK buat aduan untuk memudahkan tindakan kerana isu itu tidak hanya membabitkan PPK sahaja (tapi) turut membabitkan pihak lain, termasuk PPNJ," katanya.